

28/12/1997

Antara Tuah dan Jebat

Dinar Emas

TERIMA kasih kerana menyiarkan puisi saya (Berita Minggu, 7 Disember 1997 lalu). Bagaimanapun ada sedikit kesilapan pada puisi yang bertajuk ANTARA TUAH DAN JEBAT itu.

Mungkin kesalahan berlaku ketika menaip pada pihak akhbar ini atau pada pihak saya. Baris ketiga sepatutnya berbunyi Tuah hamba raja? bukan tuan hamba raja?

Pembetulan ini saya kira perlu diketengahkan, kerana tajuk yang diberikan untuk puisi itu, Antara Tuah dan Jebat. Saya sebenarnya sedang mempersoal dan menilai semula polemik antara Tuah dan Jebat.

Saya anggap sekian lama kita sememangnya terperangkap dalam masalah kepartian antara puak Tuah di satu pihak dengan Jebat di pihak yang lain.

Di antara Tuah dengan Jebat kita lihat ada Tun Seri Lanang. Beliau yang mencatat sejarah dengan bergaya sehingga kita cintakan Tuah dan mengharapkan Jebat meningsahkan kezaliman raja.

Kita diperihalkan tentang Tuah dan Jebat sehingga kita serba salah dalam mencari identiti wira. Kita hairan kenapa Tuah seolah-olah menurut kata dan nafsu tuannya dalam beberapa hal, seperti cerita Tun Teja sambil Tuah hanya boleh mengharapkan tuah pada Tamingsarinya apabila berpencak silat.

Kita juga dirindukan agar ada seorang pejuang yang akan membela orang yang terzalim dan seakan-akan terjawab apabila Jebat melanggar adat, tetapi malangnya dengan biadab.

Kita tergamam apabila Jebat pun tidak terkawal nafsunya. Antara Tuah yang seakan-akan pasif kita lihat Jebat yang hanya reaktif.

Dengan sedemikian rupa, cerita diolah tetapi kita mungkin lupa bahawa penulis Tuah adalah juga penulis Jebat. Orangnyanya sama iaitu Tun Seri Lanang. Mungkinkah beliau rindukan seorang pejuang yang bukan saja tahu menyembah tetapi arif menyanggah dengan berhikmah, sambil mengerti adat yang beradab? Tuah yang tahu berjebat?

Hal ini bukan remeh kerana jelas polemik Tuah Jebat melengkapkan masalah berparti dan berpuak sebagaimana dalam tradisi demokrasi sekarang. Masing-masing cuba mengaitkan dengan hero masing-masing.

Malahan dalam contohnya parti A mahupun dalam parti B, ada perpecahan ala Tuah-Jebat. Mereka mengharapkan konflik, dialektik dan polemik untuk ke hadapan dan menonjolkan kewujudan masing-masing sambil melangkah sahabat dan lawan.

Kalau di Turki, kita menyaksikan persengketaan ini menyebabkan tumbangnyanya Kerajaan Islam Turki melalui angkara Jebat mereka iaitu Kamal dan Young Turks berserta nahdah atau Kemalist's renaissance beliau.

Di Melaka kita rasakan konflik Tuah-Jebat menjadi sebahagian dari permulaan keruntuhan Kerajaan Melayu Melaka.

Kita perhatikan kewujudan kelompok berwira sebegini dirangsang lagi oleh polemik dan dialektik seperti Tuah-Jebat. Kita terperangkap dengan konflik pahlawan dan parti masing-masing. Tetapi pada masa yang sama kita lihat, terutama sekali dewasa ini, Soros, Milken dan Boesky, lebih berkuasa dari mereka yang menang selepas penat berkelahi berebut kerusi.

Mereka raja tanpa sempadan. Di Algeria dan Turki kita cuma jadi agen kewangan untuk IMF dan Bank Dunia, tetapi tidak pernah mendapat laba, malahan sentiasa membayar ufti seperti di Nusantara dalam bentuk mata wang yang disusut nilai.

Dalam keadaan yang gawat ini kita bersyukur kerana Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Nik Aziz Nik Mat, tahu angkara

raja-raja riba dalam merencana dunia dan merasakan tidak perlu terperangkap dengan politik Tuah/Jebat.

Sayang sekali, masih ada penyokong masing-masing yang tidak memahami erti politik sebenar dan seolah-olah terpinga-pinga apabila wujud kerjasama antara mereka berdua.

Mereka masih terperangkap kerana cuba "memalaikatkan" Tuah sambil ada yang mahu menobatkan kudrat Jebat. Kita bukan idealis. Kita kadang-kadang tersilap langkah, tetapi kita mesti faham makna membuat glorious mistakes - yang akan memberi panduan ke arah kebenaran.

Golongan yang mahukan `malaikat' sebagai pemimpin harus sedar mereka sendiri bukan malaikat. Kita mestilah berhati-hati agar tidak mempertuhankan idealisme.

Apabila berhadapan dengan masalah, sama ada pada peringkat nasional atau parti, kita tidak perlu menjatuhkan pemimpin, apa lagi jika mereka juga orang Islam.

Pengalaman silam menunjukkan kita sering ditewaskan orang luar, kerana kita bertelagah sesama sendiri. Masing-masing membuat pasukan dalam pasukan yang sama.

(END)